

Pentingnya Literasi Kritikal

oleh

Zaki Jalil

zaki@thereadinggroup.sg

Literasi boleh difahamkan dengan berbagai cara. Ramai yang biasa memahaminya sebagai keupayaan minda menterjemahkan simbol-simbol yang tertulis kepada perkataan-perkataan yang membawa makna dan yang boleh dilafazkan. Akan tetapi, literasi tidaklah terhad kepada ini sahaja. Di dalam zaman moden ini, perlulah kita fahami bahawa terdapat berbagai lagi bentuk literasi yang semakin hari menjadi semakin penting untuk masyarakat kita.

Satu contoh adalah literasi kewangan. Masyarakat Melayu didapati berbelanja melebihi keupayaan berbanding kaum lain. Ini mencerminkan bagaimana masyarakat kita belum dapat memahami cara untuk mengurus kewangan dan keperluan mereka. Kemunculan tren golongan miskin baru (*the new poor*), iaitu mereka yang bergaji sederhana tetapi dibelenggu oleh hutang atas sebab kurangnya literasi kewangan ini patut membimbangkan kita. Ini kerana, antara lain, kemiskinan golongan ini disebabkan mereka perlu membiayai pinjaman kereta, hutang renovasi rumah yang berlebih-lebihan, hutang kad kredit dan gaya hidup yang boros.

Satu lagi contoh adalah literasi media. Ramai kanak-kanak yang terpengaruh dengan iklan-iklan di kaca televisyen sehingga mereka diyakinkan bahawa setiap manusia harus ada barang-barang konsumsi yang mewah yang sering di tayangkan di itu. Melalui imaginasi kehidupan selesa dan bahagia yang dipaparkan, kanak-kanak ini terpengaruh dengan mesej-mesej iklan tadi yang bertujuan memujuk mereka untuk membeli.

Ramai pula remaja dan orang dewasa yang dipujuk agar membeli barang-barang berjenama, bukan kerana keperluan, tetapi kerana kehendak yang tidak rasional yang telah dikondisikan oleh

imej-imej konsumer bahagia di iklan-iklan tadi. Tanpa literasi visual, mereka tidak akan dapat memisahkan realiti dari khayalan. Mereka tidak dapat membaca makna-makna yang tersirat di dalam setiap imej yang mereka pandang.

Ada juga yang masih buta alam, atau tiada literasi alam (*environmental literacy*). Mereka ini masih tidak sadar bahawa lautan di sekeliling Singapura mempunyai banyak haiwan-haiwan yang unik, termasuk ikan lumba-lumba. Haiwan-haiwan ini hidup di sekitar pulau-pulau kecil selatan Singapura yang juga kaya dengan terumbu-terumbu dan biodiversiti-nya. Buta pada literasi alam ini mempunyai banyak implikasinya. Salah satunya ialah hambatan terhadap perbentukan pemikiran saintifik di dalam masyarakat. Sehingga kini, masih ada yang belum dapat mengerti akan kaitan alam murni (iaitu belum diperkosa oleh proses pembangunan) dengan pembangunan itu sendiri.

Contoh-contoh literasi yang disebutkan di atas seolah-olah menyeru kita untuk menyedari bahawa walaupun ramai di antara kita yang boleh membaca dan tidak buta huruf (iaitu, *technically literate*), namun literasi berfungsi (iaitu, *functional literacy*) di kalangan kita, nampaknya masih lemah.

Literasi-literasi ini sangatlah penting untuk masyarakat kita 'membaca' keadaan dunia mereka supaya mereka sedar dan dapat melindungi diri mereka dan anak-anak mereka dari aspek-aspek negatif globalisasi dan pemodenan sambil meraih peluang dari aspek-aspek positifnya. Literasi-literasi kritikal ini penting kerana ianya memberi masyarakat kita kosa-kata yang lebih luas untuk mereka memikirkan masalah dunia dan lingkungan mereka sendiri. Ternyata, kebolehan membaca majalah dan akhbar, tidaklah sama dengan kebolehan membaca realiti kehidupan.

Ini tidaklah bermakna bahawa kebolehan membaca dan menulis abjad dan perkataan tidak mustahak. Identiti setiap masyarakat, malah setiap individu, sering ditentukan dengan apa yang dikatakan dan apa yang dilakukan individu atau masyarakat tersebut. Cara kita berkata dan cara orang lain berkata kepada kita sering membentuk kelakuan dan adab kita. Melalui perkataan dan kelakuan inilah kita membina dunia yang membina kita.

Walau bagaimana pun, literasi bukanlah hanya kebolehan menghafal makna-makna perkataan yang tertulis, akan tetapi ianya juga ialah kebolehan untuk memahami bagaimana makna-makna tadi mencorak kehidupan seharian kita. Kita juga harus memahami mengapa sesetengah perkataan sering

digunakan untuk menyampaikan sesuatu ide manakala perkataan-perkataan lain jarang atau tidak digunakan. Literasi juga harus mengambil kira siapa yang sering menggunakan sesuatu perkataan dan mengapa perkataan-perkataan tersebut digunakan sedangkan beberapa perkataan lain diabaikan.

Pada masa yang sama, literasi tidak harus disamakan dengan keahlian di sesuatu bidang. Tidaklah mencukupi jikalau seseorang pelajar sains dapat menyenaraikan segala formula-formula sains sedangkan dia belum dapat menyebut mengapa sains tadi belum dapat memerdekakan ramai kanak-kanak yang kebuluran di dunia hari ini. Kepakaran dan literasi dalam satu bidang bukanlah petanda bahawa seseorang tadi bebas dari bahaya yang berkaitan dengan ketidakfahamannya dengan realiti dunia yang semakin berbeza dari dunia semalam yang mereka telah terbiasa.

Sebagai contoh, seorang pakar dalam bidang kejuruteraan atau perubatan tidaklah bererti dia juga fasih dan memahami bagaimana keadaan dunia di masa silam telah menentukan keadaan mereka di zaman ini. Tanpa literasi sejarah (*historical literacy*), ramai yang tidak terpanggil terhadap konsep-konsep penting seperti kegunaan dalil-dalil sejarah, limitasi kegunaan dalil-dalil sejarah, dan adanya pemahaman-pemahaman sejarah yang bertentangan dan sering bersaing.

Begitu juga dengan literasi budaya (*cultural literacy*). Ianya juga memainkan peranan penting dalam menghindari salah faham dan mendorong kerjasama, terutama dalam dunia di mana pertembungan budaya menjadi semakin kerap. Literasi budaya ini juga tidak dapat dipisahkan dengan literasi geografi (*geographic literacy*) dan literasi sejarah yang telah dibincangkan tadi.

Namun, ini bukan bermakna bahawa setiap individu harus pakar dalam setiap bidang walaupun telah terbukti bahawa di dunia yang semakin pesat berubah, amat tidak mencukupi kepakaran dalam satu bidang sahaja. Literasi tidak boleh diimajinasikan dengan kebolehan membaca dan menulis sahaja. Telah tibalah masanya untuk golongan inteligensia kita memikirkan bagaimana untuk mempersiapkan anggota masyarakat, terutama sekali golongan generasi muda, dengan literasi-literasi ini supaya mereka dapat berfungsi dalam zaman globalisasi ini.

Masyarakat kita, terutama mereka yang berada di dalam posisi untuk mendidik, haruslah memikirkan cara-cara kreatif untuk memperkasakan masyarakat, terutama mereka yang berada di kelas bawahan. Para inteligensia, seperti guru-guru sekolah, artis tempatan, wartawan akhbar dan

majalah, penulis skrip drama, dan sesiapa sahaja yang bertanggung-jawab dalam memilih dan menyebarkan maklumat, haruslah sadar bahawa mereka boleh memainkan peranan penting dalam proses mendidik masyarakat dan mempertingkatkan tahap-tahap literasi berfungsi.

[16 Julai 2007]